

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI
[KUALA KRAI]**

SOALAN :

Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan senarai data terkini penanaman koko, lada hitam, teh dan kopi. Apakah langkah Kementerian untuk mengangkat semula sektor pertanian ini sebagai alternatif kepada penurunan harga getah.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi adalah bertanggungjawab terhadap pembangunan antara lain, tanaman koko dan lada.

Keluasan tanaman koko di Malaysia pada tahun 2015 adalah seluas 18,150 hektar (ha). Daripada jumlah tersebut, negeri Sabah merupakan kawasan penanaman utama koko dengan seluas 7,239 ha, diikuti oleh Sarawak dan Semenanjung iaitu masing-masing seluas 6,920 ha dan 3,991 ha. Tanaman koko di Malaysia didominasi oleh sektor pekebun kecil dengan jumlah keluasan sebanyak 17,243 ha dan diusahakan oleh seramai 15,045 pekebun kecil, manakala baki kawasan seluas 907 ha oleh sektor estet.

Bagi komoditi lada pula, keluasan tanaman lada di Malaysia pada tahun 2015 adalah seluas 16,307 ha yang melibatkan seramai 67,000 orang pekebun kecil. Daripada keluasan tersebut, hampir 98.7% atau seluas 16,092 hektar adalah di Sarawak dan baki sebanyak 200 ha di Semenanjung dan 15 ha di Sabah.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan sentiasa komited untuk membangunkan dan seterusnya meningkatkan produktiviti tanaman koko dan lada ke arah meningkatkan pendapatan para pengusahanya. Langkah-langkah untuk memperkukuhkan pembangunannya termasuk:

i. Sektor Koko

- Program Pembangunan Rangkaian Koko Kluster di mana pekebun kecil koko akan dibekalkan anak benih, racun, peralatan pertanian dan khidmat nasihat teknikal yang bernilai RM8,000 sehektar. Program ini dilaksanakan di tiga (3) lokasi iaitu Serian di Sarawak,

Ranau di Sabah dan Jerantut di Pahang dengan peruntukan sebanyak RM3.2 juta pada tahun 2016 merangkumi keluasan 400 hektar; dan

- Program Peningkatan Produktiviti yang melibatkan bantuan input pertanian dan khidmat nasihat ke arah peningkatan produktiviti koko dan penghasilan biji koko kering yang berkualiti. Bagi tahun 2016, peruntukan sebanyak RM10.2 juta disediakan dengan sasaran keluasan 8,396 hektar.

ii. Sektor Lada

- Program Pembangunan Kawasan Tanaman Baru Lada dengan nilai bantuan sebanyak RM18,000 sehektar. Di bawah program ini, para pekebun kecil disediakan input pertanian seperti baja, racun, dolomit dan khidmat nasihat teknikal. Bagi tahun 2016, peruntukan sebanyak RM9.0 juta disediakan untuk pembangunan 450 hektar kawasan tanaman baharu lada yang melibatkan seramai 2,250 pekebun kecil;
- Skim Tanaman Baharu Lada disediakan kepada pekebun kecil yang mempunyai lada yang berumur kurang dari dua (2) tahun. Peserta skim akan dibantu selama dua (2) tahun dalam bentuk bantuan input pertanian seperti baja, dolomite, insentif tiang sokong dan keratan lada;
- Skim Pengeluaran Lada Berkualiti Eksport (LBE)/ Peningkatan Kualiti Peringkat Ladang. Pekebun kecil yang layak akan diberi bantuan alat pertanian seperti pengipas, pelerai, 'spiral separator', pelantar jemuran, bahan binaan untuk stor, empangan anak sungai dan tangki rendaman untuk meningkatkan kualiti lada yang dihasilkan; dan
- Skim Usahawan Keratan Lada di mana pekebun kecil yang mempunyai 600 pokok lada sedia ada dengan keluasan tanaman

seluas 0.3 ha dibekalkan dengan 400 keratan tanaman induk lada untuk tujuan menghasilkan keratan lada. Sasaran Kementerian adalah bagi membangunkan 10 orang usahawan keratan lada setiap tahun dengan penghasilan sebanyak 8,000 keratan lada bagi setiap seorang usahawan. Selain itu, pekebun kecil juga diberi latihan, lawatan pembelajaran dan khidmat nasihat dan bantuan pemasaran.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian juga menggalakkan para penanam getah untuk mengusahakan tanaman lain bagi mendapatkan pendapatan sampingan dan menangani penurunan pendapatan susulan harga getah yang tidak stabil. Selain itu, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah melalui RISDA melaksanakan pelbagai program untuk meningkatkan pendapatan dan taraf hidup pekebun kecil antaranya termasuk Program Tanam Semula Getah ke Tanaman Lain (TSGL) dan Skim Insentif Produktiviti Getah (SIPG). Pihak RISDA juga menyediakan program latihan dan tunjuk ajar untuk membolehkan pekebun kecil getah mengamalkan amalan agronomi yang baik dan memperolehi hasil yang memuaskan.

Tuan Yang Di-Pertua,

Berdasarkan kepada statistik yang diterima bagi tahun 2015 daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, keluasan berhasil tanaman kopi di Semenanjung Malaysia ialah 1,976 hektar melibatkan seramai 1,937 orang petani dengan pengeluaran berjumlah 5,929 tan. Manakala keluasan berhasil tanaman teh di Semenanjung Malaysia ialah 1,637 hektar melibatkan seramai 13 orang petani dengan pengeluaran berjumlah 1,504 tan.

Sekian, terima kasih.